

TEATER PENDEK:

"KALAU APPLY, DAPATLAH"

Skrip /Arahan/ Lakonan:
Jangka Masa: 10 minit

Tarikh siap draf penulisan: 17 Okt 2014

BABAK 1

PENTAS GELAP. FLOOR MANAGER BERSIAP-SIAPKAN PROPS DAN TEMPAT 'PERTANDINGAN' DI ATAS PENTAS. KEMUDIAN, DIA MEMBERI ISYARAT ('CUE') KEPADA PENONTON UNTUK BERTEPUK TANGAN SEBAGAI WARM-UP DAN MEMBUKA TIRAI RANCANGAN 'KALAU APPLY, DAPATLAH'.

1. HOS RANCANGAN:

Salam sejahtera dan selamat datang ke rancangan "Kalau apply, dapatlah!"

Setelah berminggu-mingguan kita bertungkus-lumus melihat perjuangan di antara ramai peserta, kini kita sampai di peringkat akhir di mana kita akan menobatkan gelaran Juara Ambassador Perintis!

Seperti yang telah tersedia maklum, juara Ambassador Perintis ini akan diamanahkan untuk menerajui dan menguar-uarkan Projek PGP, atau Pakej Generasi Perintis kepada golongan Perintis di tanahair kita ini. Sesungguhnya, ia satu amanah yang berat tetapi begitu mulia dan disanjung tinggi.

Kami amat berbesar hati menerima kehadiran anda semua untuk memberi sokongan moral kepada kededua finalis kita pada hari ini.

Namun, sebelum kita menjemput kededua finalis kita pada hari ini, kami telah dimaklumkan para hadirin semua adalah dari masjid-masjid yang berlainan.

Boleh saya tahu, siapa yang dari Masjid-Masjid Kelompok Utara? Kelompok Timur?

<HOS AKAN MENCARI PENYOKONG FINALIS>

Baiklah, untuk meneruskan acara, izinkan saya menjemput finalis-finalis kita:

Finalis pertama - _____ merupakan seorang _____ berumur _____ dan berpengalaman di dalam bidang _____.

Finalis yang kedua pula tiada banyak bezanya. Namanya ialah _____ seorang pakar di dalam bidang _____ dan berumur _____ tahun.

Kita berikan tepukan kepada mereka.

<MELIHAT KE ARAH FINALIS>

Terima kasih, Tuan-Tuan dan tahniah kerana berjaya melangkah ke tahap terakhir ini.

2. FINALIS 1 & 2:

Terima kasih kembali

3. HOS:

Kita akan memulakan permainan kita. Permainan di dalam pertandingan akhir ini ada kelainan sedikit dari peringkat-peringkat sebelum ini.

Pada peringkat ini, kita hanya satu pusingan sahaja. Setiap peserta akan memilih tiga buah soalan. Jika jawapan anda tepat, anda akan diberi 10 markah. Jika jawapan anda salah, anda tidak diberi apa2 markah. Namun, anda diberi peluang untuk menggandakan markah anda dengan gunakan kod "Mintak Tolong!".

Ini bermakna, anda boleh memilih salah seorang daripada para penonton untuk membantu anda untuk memberikan jawapan. Andai jawapan itu betul, anda akan meraih 20 markah – sebab ini dipanggil 'teamwork'. Jika salah, tiada markahlah.

Sudah bersedia?

4. FINALIS 1 & 2:

Sudah!!

5. HOS:

Baik, untuk ketahui siapakah yang akan memulakan permainan dulu, kita akan menentukan dengan permainan "Oh, Som!" Maklumlah, ini adalah di antara permainan zaman perintis kita dahulu.

KEDEDUA FINALIS BERMAIN "OH, SOM! FINALIS
1 MENANG DAN AKAN MEMULAKAN
PERMAINAN.

6. HOS:

Finalis 1, pilih soalan 1-7

7. FINALIS 1:

Saya pilih nombor 1.

8. HOS:

Soalan Anda,
Perkataan CHAS, adalah singkatan bagi:

- A) Community Health Assistance Scheme (jawapan)
- B) Community Hospital And Services
- C) Coffee House And Services

9. FINALIS 1:

Err....A

10. HOS:

Betul!

FINALIS 2 MEMILIH SOALAN NOMBOR 7:

11. HOS:

Baiklah, Finalis 2, soalan pertama anda:
Berapakah nilai kenaikan Medisave, atau Mediave Top-Up:

- A) Antara \$50 - \$150
- B) Antara \$100 - \$200
- C) Antara \$200 - \$800 (jawapan)

12. FINALIS 2:

Mintak TOLONG!!

13. HOS:

Wah! Siang-siang dah mintak tolong? Baiklah, siapakah
yang akan anda mintak tolong?

14. FINALIS 2:

Saya pilih Abang yang memakai jaket warna hijau...

FLOOR MANAGER MEMBAWA MIKE KE ORANG
ITU DAN MEMINTA JAWAPAN.

15. FINALIS 2:

Saya terima jawapan dari Abang itu. Dan itulah jawapan saya!

16. HOS:

Betul!!

FINALIS 1 MEMILIH NOMBOR SOALAN

17. HOS:

Ini adalah solan kedua untuk Finalis 1:

Pakej "Perintis OK!" yang akan berlangsung selama 15 bulan, dilancarkan baru-baru ini. Di antara pakej itu termasuk mendapat potongan harga oleh warga emas pada setiap hari Isnin. Berapakah peratuskan potongan harga itu?

- A) 1 %
- B) 3 % (jawapan)
- C) 5 %

(source: <http://www.straitstimes.com/news/singapore/more-singapore-stories/story/pioneer-singaporeans-get-discounts-priority-special-offe>)

18. FINALIS 1:

Hmmm...saya anak nombor, jadi saya tikam nombor 2 lah.
B – 3%!

19. HOS:

Tikam nombor 2? Awak fikir ini cerita Ali Baba Bujang Lapok? Walau bagaimanapun, tepat jawabannya.

FINALIS 2 MEMILIH NOMBOR SOALAN

20. HOS:

Finalis 2, ini soalan kedua anda:

Sebagai seorang Perintis, anda akan (ataupun telah) diberi sebuah pek yang berisi lima barangan; iaitu Senarai maklumat klinik-klinik CHAS yang berhampiran, magnet peti sejuk, sebuah buku keterangan bersaiz kecil dan

senarai penuh klinik-klinik am dan klinik-klinik gigi. Ada satu lagi barang yang belum disebut. Apakah barangan itu?

- A) Kad EZ-Link
- B) Kad potongan harga NTUC
- C) Kad Generasi Perintis (jawapan)

21. FINALIS 2:

Saya rasa saya pilih C.

22. HOS:

Betul!!

FINALIS 1 MEMILIH NOMBOR SOALAN

23. HOS:

Finalis 1, ini soalan ketiga anda.

24. FINALIS 1:

Mintak Tolong!!

25. HOS:

Aiseyman! Saya belum beri soalan, anda telah mintak tolong? Boleh. Siapa pilihan anda untuk meminta tolong?

26. FINALIS:

Saya pilih Akan tudung merah tu.

27. HOS:

Baik. Dengar soalan ini baik-baik.

Di dalam video PGP, kisah seorang anak melayu telah diketangahkan sebagai di antara Generasi Perintis. Beliau telah mewakili dan mengharumkan nama negara di dalam bidang bolasepak. Siapakah anak melayu yang dimaksudkan itu?

- A) Majid Ariff
- B) Fandi Ahmad
- C) Mokhtar Dahari

28. FINALIS 1:

Jawapan saya ialah A – Majid Ariff!

29. HOS:

Betul!!

FINALIS 2 MEMILIH NOMBOR SOALAN

30. HOS:

Baiklah ini merupakan soalan terakhir Finalis 2.

Dengar dengan teliti.

Pakej Generasi Perintis ini alah untuk mereka yang sekurang-kurangnya berumur 16 tahun pada tahun apa?

A) Tahun 1965 (jawapan)

B) Tahun 1955

C) Tahun 1975

31. FINALIS 2:

Jawapan saya ialah A: Tahun 1965

32. HOS:

Betull!!

Dan mari kita lihat markah keseluruhan.

Jadi di akhir pertandingan, juaranya ialah seri! Kededua finalis telah menunjukkan ketangkasan mereka menjawab soalan. Jadi, trofinya akan dipatahkan dan dikongsikan.

33. HOS

Terima kasih, FINALIS 1 _____ dan FINALIS 2 _____ kerana mengambil bahagian di dalam pertandingan ini. Kita berikan tepukan yang gemuruh buat mereka. Diharap agar para penonton perolehi maklumat yang bermanfaat.

TAMAT